

SKIM TAKAFUL SUMBANGAN RENDAH SERTA PROSPEK PERLAKSANAAN TAKAFUL MIKRO DI MALAYSIA

Fatin Nabilahbinti Abdul Wahid, Kamaruzaman Bin Noordin

Jabatan Syariah dan Pengurusan

Akademi Pengajian Islam

Universiti Malaya

afatinna@gmail.com, zamann@um.edu.my

ABSTRAK

Insurans mikro atau takaful mikro adalah satu fenomena baru di negara-negara Islam seperti Malaysia, Indonesia, dan Bangladesh. Ini kerana takaful mikro adalah sebahagian dari pada skim takaful namun ia merupakan skim perlindungan takaful sumbangan rendah dan hanya meliputi sebilangan kecil rakyat. Takaful mikro adalah elemen penting dalam proses transformasi ekonomi Negara membangun dan telah dikenal pasti sebagai mekanisme yang berkesan dalam menanganis risiko insurans untuk isirumah berpendapatan rendah dan usahawan mikro apabila kejadian tidak diduga menimpa mereka. Artikel ini membincangkan mengenai pengertian serta konsep insurans mikro dan takaful mikro serta prospek perlaksanaannya di Malaysia. Disamping itu kajian ini juga turut menfokuskan kepada beberapa skim takaful yang dikhaskan untuk golongan berpendapatan rendah atau dalam erti kata lain untuk golongan miskin yang telah dilaksanakan oleh beberapa syarikat takaful di Malaysia.

Katakunci: *Takaful mikro, takaful sumbangan rendah, golongan berpendapatan rendah, golongan miskin.*

1. Pengenalan

Takaful mikro ialah skim sumbangan dan had perlindungan yang rendah, ia adalah elemen penting dalam menjayakan transformasi ekonomi negara membangun. Takaful mikro telah dikenal pasti sebagai mekanisme yang berkesan dalam menangani risiko kemalangan isi rumah berpendapatan rendah dan usahawan mikro apabila kejadian tidak diduga menimpa mereka. Selain itu, takaful mikro juga adalah teknik pengurangan risiko yang diiktiraf sebagai pendekatan inovatif dalam membasmi kemiskinan.

Takaful mikro juga dilihat sebagai aspek perlindungan terhadap diri dan harta benda sekiranya berlaku bencana kepada pemegang polisi. Perkembangan takaful mikro menunjukkan bahawa terdapat potensi yang besar bagi sektor perkhidmatan kewangan khususnya sektor takaful yang mensasarkan produk kepada penduduk berpendapatan rendah dan usahawan mikro sebagai satu segmen perniagaan yang berdaya maju dalam strategi kepelbagaian perniagaan mereka. Disamping itu, ia bukan sahaja menawarkan peluang pertumbuhan yang strategik dalam pasaran takaful walaupun ianya kurang diberi tumpuan oleh syarikat takaful tempatan mahupun antarabangsa, tetapi ia juga memberikan perspektif yang menjanjikan untuk pembangunan masa depan pasaran takaful Islam baru yang akhirnya boleh menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Malapetaka seperti sakit atau kurang upaya, kematian secara tiba-tiba, kehilangan harta atau pendapatan boleh menyebabkan tekanan emosi dan fizikal. Ini kerana sumber dan pilihan yang terhad untuk menguruskan risiko, mereka sering menghadapi pelbagai musibah dan sukar untuk melindungi diri mereka sendiri. Oleh itu, salah satu strategi pengurusan risiko yang berkesan adalah melalui takaful. Namun produk-produk takaful yang dirangka berdasarkan kepada tatacara dan modus operandi produk takaful yang mengambil kira kepentingan dan keperluan semua pihak yang terlibat adalah mahal. Selain itu, produk-produk ini mensasarkan kepada masyarakat berpendapatan tinggi atau sederhana. Oleh itu golongan berpendapatan rendah tidak mampu memiliki sebarang produk perlindungan takaful yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat tersebut. Lebih-lebih lagi apabila keupayaan pembekal takaful untuk memproses tuntutan mengambil masa yang agak lama. (Ismail et al., 2012)

Tidak semua masyarakat mampu membeli polisi insuran yang sedia ada disebabkan kekangan kewangan dan pendapatan bulanan yang diterima tidak mencukupi untuk membayar takaful disebabkan komitmen perbelanjaan lain yang tinggi. Separuh dari rakyat Malaysia tidak mempunyai mana-mana polisi disebabkan kekangan kewangan walaupun ramai yang mempunyai pendapatan RM2000 ke atas, dan mereka juga mengetahui pentingnya memiliki pelan perlindungan takaful sebagai jaminan di masa hadapan. (Hashim, 2010; Bahroddin, 2008)

Kumpulan berpendapatan rendah hanya akan bersedia untuk membayar dengan harga tidak lebih daripada RM35 setiap bulan untuk sumbangan takaful, (Ashikin, 2012) bagi mereka yang tinggal di kawasan luar Bandar hanya bersedia untuk membayar premium bulanan sebanyak RM 20 atau kurang. (Rom et al., 2012) Ini menunjukkan bahawa mereka yang mempunyai tahap kewangan yang rendah sedar akan kepentingan untuk memiliki takaful, namun kekangan kewangan untuk membayar premium, sedangkan pulangan dan manfaatnya tidak pasti. Apabila berlaku sesuatu kejadian mahupun malapetaka, barulah kepentingan dan faedah polisi takaful dapat dimanfaatkan.

2. Literatur

Golongan miskin merupakan golongan serba kekurangan dan hidup dengan pendapatan yang tidak mencukupi untuk melunaskan keperluan mereka manakala golongan berpendapatan rendah adalah golongan yang hanya mempunyai sumber kewangan yang terhad. (Taqiyuddin, 1990), 236 Golongan ini biasanya lebih terdedah kepada risiko dan mempunyai akses kepada instrumen pengurusan risiko yang lebih sedikit serta sukar menanganinya. Risiko merupakan perkara yang tidak pasti dan mungkin juga berlaku kehilangan, malapetaka atau sesuatu keputusan yang tidak diingini. (Hubbard, 2010) Selain itu risiko juga dilihat sebagai bencana yang memberi kemudahan. Ini termasuklah kehilangan harta, kemusnahan barangan dan kesakitan. Beberapa kajian empirikal yang mengkaji kesan sektor insurans sebagai penyediaan pemindahan risiko kepada pertumbuhan ekonomi mempunyai hubungan yang agak positif terutama kepada bukan insurans hayat. (Chicken & Posner, 1998) Ia juga menunjukkan terdapat kaitan yang signifikan antara penembusan insurans dan pertumbuhan ekonomi. (Arena, 2008)

Kemunculan takaful mikro telah memberi nafas baru kepada golongan tersebut dengan memberi peluang untuk mendapatkan perlindungan yang lebih komprehensif, adil dan telus. Walaupun takaful terbukti sebagai salah satu pengurusan risiko yang berkesan, pasaran ini tidak mampu diterima manfaat oleh golongan miskin. Apabila pasaran dan kerajaan gagal memberikan alternatif yang baik kepada rakyat maka wujudlah insurans/takaful mikro bagi

membantu menyediakan manfaat perlindungan kepada mereka.(Nagerebo & Nwite,2012)Walaubagaimanapun tidak semua risiko boleh diurus oleh insurans/takaful mikro. Oleh itu beberapa kajian telah dilakukan untuk mengetahui bagaimana insurans/takaful mikro dapat menguruskan risiko dengan efisien.

Paul berpandangan bahawa beberapa perkara harus diambil kira untuk memastikan penyertaan insurans mikro bertambah, antaranya dengan mengurangkan bayaran premium dan kos transaksi.(Paul et al.,2001)Selain itu, Reinhard, menambah bahawa premium bagi golongan miskin dapat dikurangkan melalui subsidi silang dalam sistem insurans. Untuk membantu, kerajaan atau syarikat penderma antarabangsa boleh memberikan rizab modal atau insurans semula.(Reinhard et al.,2006)

Berbeza dengan Craig Churchill yang melihat bahawa Insurans mikro bukan sekadar menawarkan produk pada kadar yang rendah tetapi ia lebih kepada cara bagaimana untuk mendekati pelanggan yang mana cara tersebut berbeza dengan cara insurans biasa. Pertama membiasakan penanggung insurans dengan permintaan dan tingkah laku orang-orang miskin, kedua dengan mendidik pasaran mengenai insurans untuk mewujudkan pengguna yang berpendapatan rendah.(Churchill, 2007)

Takaful mikro memainkan peranan penting di dalam negara-negara Islam yang sedang pesat membangun. Pasaran baru Islam ini boleh mewujudkan insentif bagi penanggung takaful untuk menawarkan skim takaful mikro dalam negara-negara Islam ini.Setakat ini, beberapa kajian akademik memberi tumpuan kepada takaful mikro secara umum, dan tidak terdapat kajian secara khusus.(Kaderet al.,2010; Altuntas et al., 2011)Dalam perbincangan berkenaan takaful, Kwon mengenal pasti takaful mikro sebagai "trend baru." Walau bagaimanapun, beliau hanya menyatakan definisi mikro secara ringkas, bukan analisis yang mendalam.(Kwon,2007)

Sabbir Patelmenegaskan bahawa takaful adalah jaminan yang lebih baik dari insurans, dan perlu mewujudkan takaful mikro di negara yang kurang membangun dengan majoriti penduduknya muslim. Tujuan takaful mikro adalah untuk memberi perlindungan terhadap risiko kemiskinan.Sejak tahun 1970-an institusi mikro pro-miskin telah ditubuhkan dalam sektor semi-formal. Kejayaan mereka telah membawa kepada pengiktirafan bahawa rakyat miskin juga mahu menyimpan dan boleh menyimpan.(Patel,2011). Oleh itu pula menjelaskan bahawa untuk membantu golongan yang miskin pihak takaful harus menyediakan produk yang sesuai mengikut keperluan status sosial mereka.(Abbas,2010) Ini kerana keperluan terhadap pengurusan risiko adalah berbeza mengikut status sosial masing-masing.

3. Metodologi, Dapatan, Analisis dan Perbincangan.

3.1. Metodologi

Pada dasarnya kajian ini lebih berbentuk kajian lapangan, iaitu topik yang dibincang merangkumi kaedah pelaksanaan, namun ada sebahagian besar maklumat-maklumat semasa diperolehi melalui kajian ilmiah, buku, artikel, majalah, persidangan sama ada secara langsung atau tidak. Terdapat beberapa jenis instrumen digunakan untuk mengumpulkan maklumat dalam penyelidikan ini.Satu daripada instrumen yang mempunyai kaitan dengan kaedah kualitatif iaitu menggunakan teknik temubual.Kaedah temubual yang dijalankan terhadap wakil institusi takaful dan insurans.

Maklumat diperolehi melalui temubual secara bersemuka dan pengantara media elektronik. Penulis telah menyediakan beberapa soalan yang perlu disoal semasa sesi temubual namun soalan-soalan tambahan akan ditanya sekiranya penulis memperoleh maklumat terbaru yang memerlukan penjelasan lanjut. Antara isu yang menjadi topik perbualan ialah pelaksanaan skim takaful mikro di syarikat takaful.

Penulistelah menggunakan metode deduktif untuk menganalisis data dan maklumat dengan mengaplikasikan teori untuk mendapatkan natijah. Sebagai contoh, segala maklumat berkaitan pelaksanaan skim takaful mikro dan juga kaitannya dengan golongan bawahan di Malaysia untuk memiliki skim takaful akan dirumuskan untuk melihat sejauhmana konsep takaful mikro telah dilaksanakan di Malaysia.

3.2. Dapatan dan Analisis

Takaful mikro didefinisikan sebagai satu mekanisma yang disediakan berdasarkan perlindungan berasaskan syariah kepada pekerja kolar biru, yang kurang bernasib baik dengan bayaran yang berpatutan. Ia juga adalah skim takaful untuk golongan yang berpendapatan rendah, (Khan, 2011) dan menjadi satu keperluan kepada mereka. (Swartz & Coetzer, 2010) Semua produk-produk takaful yang sedia ada boleh disampaikan kepada orang-orang miskin dengan mengurangkan sumbangan sehingga mampu dibayar oleh mereka. (Haryadi, 2006)

Program Transformasi Kerajaan (PTK) yang diterajui oleh Pemandu, iaitu Unit Pengurusan Prestasi di dalam Jabatan Perdana Menteri, telah menggunakan definisi isi rumah berpendapatan rendah sebagai isirumah yang mempunyai jumlah pendapatan kurang daripada atau bersamaan dengan RM2,000 sebulan, yang mewakili 75 peratus median pendapatan di Malaysia. Ia ditakrifkan sebagai jumlah purata nasional. (PTK, 2010) Manakala Model Ekonomi Baru yang diterajui oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) pula mendefinisikan isi rumah berpendapatan kurang daripada RM1,500 sebulan sebagai kumpulan sasaran. (New Economic Model)

Dalam pada itu, Bajet 2010 yang dibentangkan pada Oktober 2009 telah menafsirkan isi rumah yang mempunyai pendapatan bulanan kurang daripada RM3,000 sebagai golongan berpendapatan rendah. (Ucapan Bajet, 2010) Selain itu dengan pendapatan RM3000 sebulan dan tinggal di kawasan bandar boleh dikategorikan sebagai penduduk miskin kerana kos sara hidup yang tinggi dan penyusutan kuasa membeli. (Ainul, 2010)

Pendapatan kasar bulanan kumpulan Isi rumah 40% terendah menunjukkan bahawa pendapatan rakyat Malaysia dari tahun 2007 hingga tahun 2012 dalam lingkungan RM2000 kebawah. RM1,686 berbanding India RM 1,937 dan Cina RM 2,455. Secara kesimpulannya 40% pendapatan sederhana bagi rakyat Malaysia sebanyak RM4,573, dan 40% pendapatan terendah sebanyak RM1,847. (Unit Perancang Ekonomi, 2012) Oleh itu definisi isi rumah berpendapatan rendah di Malaysia ini boleh ditakrifkan sebagai golongan yang memperoleh pendapatan isi rumah kurang dari RM3,000 sebulan, dan sekaligus boleh ditakrifkan sebagai isi rumah miskin.

Isi rumah berpendapatan rendah lazimnya tidak mampu menyimpan wang, disebabkan lebih cenderung berbelanja sebahagian besar pendapatan mereka untuk barangan keperluan seperti makanan dan utiliti. Ketidakkampuan untuk mengumpul simpanan yang mencukupi menyebabkan perbelanjaan mereka lebih mudah dipengaruhi oleh perubahan dalam

pendapatan. Pendapatan isi rumah yang rendah menyebabkan mereka tidak mempunyai simpanan kerana pendapatan yang diperolehi adalah untuk perbelanjaan harian, manakala isi rumah yang mempunyai jumlah simpanan mencukupi mempunyai pilihan untuk terus berbelanja menggunakan simpanannya.(Laporan tahunan, 2012)

Isi rumah berpendapatan rendah yang mempunyai tahap celik kewangan yang rendah, berkemungkinan besar tidak membeli insurans, kerana mereka ini mempunyai keupayaan yang lebih rendah untuk menyimpan wang dan lebih cenderung untuk membuat pinjaman. Apabila digabungkan, semua faktor ini akan menghalang kemampuan isi rumah berpendapatan rendah untuk melicinkan penggunaan apabila menghadapi kejutan pendapatan yang tidak dijangka, sekaligus menjadikan perbelanjaan mereka lebih mudah dipengaruhi oleh kejutan pendapatan, berbanding dengan golongan berpendapatan tinggi.

Bagi memastikan mereka ini menikmati jaminan kewangan yang lebih baik, perlindungan insurans dan takaful mikro akan diperluaskan. Dengan bayaran premium serendah RM10 ke RM20 sebulan, peniaga kecil-kecilan boleh mendapat manfaat perlindungan dalam lingkungan RM10,000 hingga RM20,000.(Ucapan Bajet, 2010)

Di bawah Pelan Sektor Kewangan 2011-2020, Bank Negara Malaysia akan menggalakkan industri insurans dan takaful untuk membangunkan produk insurans mikro dan takaful mikro bagi memperluaskan lagi jangkauan kepada golongan yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan. Pembekal khidmat insurans ini akan dibuat dengan cara yang efisien dari segi kos, mudah diakses, mudah untuk difahami dan mudah untuk mendapat pampasan.(Ucapan Timbalan Gabenor, 2012)

Pada September 2010, Bank Negara Malaysia (BNM) telah menggesa pengusaha takaful membentuk dan menawarkan takaful mikro, perubatan dan persaraan, untuk menembusi penduduk yang masih belum diterokai, iaitu pasaran yang berpendapatan rendah. Golongan miskin dan berpendapatan rendah yang mewakili kumpulan kemiskinan luar bandar dan bandar masing-masing adalah orang yang paling diabaikan dan tidak dilindungi dari segi kewangan oleh mana-mana bentuk insurans.(Laporan Kewangan BNM,2010)

Selain itu, terdapat pelbagai program takaful yang telah ditawarkan oleh syarikat takaful atau institusi-institusi lain kepada golongan yang berpendapatan rendah dengan harga yang mampu ditanggung oleh mereka. Program sebegini memerlukan kerjasama dari pelbagai pihak terutama kerajaan bagi memastikan kejayaan serta mencapai objektif yang disasarkan.

i. Penerima BRIM.(Takafu Ikhlas, 2014)

i-BRIM adalah pelan takaful yang memberi manfaat perlindungan kepada penerima BRIM kategori isi rumah dan keluarga. i-BRIM bertujuan membantu meringankan tanggungan penerima dan keluarga penerima sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal akibat kemalangan. Sumbangan i-BRIM ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia dan tiada kos dikenakan dan diuruskan oleh consortium pengendali Takaful. Sebanyak 10 buah syarikat takaful yang terlibat dalam menjayakan skim ini.

Semua penerima BRIM kategori isi rumah atau ketua keluarga yang mempunyai tanggungan layak mendapat perlindungan i-BRIM. Manakala penerima BRIM kategori bujang dan warga emas sebatang kara adalah tidak layak untuk menuntut. Tempoh perlindungan i-BRIM adalah dari 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2014. Manfaat akan dibayar sekiranya

berlaku kematian atau kemalangan dalam tempoh perlindungan tersebut. Borang tuntutan boleh didapati di pejabat pengendali Takaful atau boleh di dimuat-turun di laman sesawang syarikat takaful. Borang yang lengkap akan diproses dalam masa 10 hari bekerja dari tarikh permohonan beserta dokumen lengkap diterima oleh pengendali Takaful.

ii. Perlindungan takaful berkumpulan.

- Skim TabarruKoperasi

Skim TabarruKoperasi, ialah satu skim perlindungan takaful kumpulan untuk memenuhi semua ahli koperasi, ia telah dilancarkan oleh Takaful Etiqa dan ANGKASA (Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia), pada bulan Mac 2009 Ahli Koperasi hanya perlu membayar RM5 sehingga RM25 setahun untuk mendapatkan manfaat kematian setinggi RM19,000, serta faedah lain seperti hilang upaya kekal, dan mereka akan dilindungi sehingga umur 80 tahun. Pada April 2010, lebih 120 koperasi telah menyertai skim ini.(Jimin,2010)

- Takaful Nelayan

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)dengan kerjasama Takaful MAA telah memperkenalkan skim perlindungan takaful nelayan dengan memberi perlindungan maksimum sebanyak 100 ribu ringgit.Kemudian skim ini telah bertukar pengurusannya dan sekarang ia telah diuruskan oleh Takaful Ikhlas. Nelayan hanya perlu membayar premium sebanyak RM100 setahun yang akan ditolak terus dari elaun sara hidup tahunan mereka yang diberikan kerajaan pusat sebanyak RM2,400(Mohd Izzatul, 2014)

Seramai 55,000 nelayan di seluruh negara menyertai Pelan Takaful Kemalangan Diri Nelayan.Sekiranya nelayan tersebut terbabat dengan kemalangan di laut mereka akan menerima pampasan RM100,000 dan jika di darat mereka akan menerima RM50,000(Bernama, 2014). Meneruskan hasrat ini, bagi tahun 2013, kerajaan akanmemperuntukkan sebanyak 230 juta ringgit sebagai insentif tangkapan ikan dan bayaran elaun bantuan sara hidup (Ucapan Bajet 2013)Serta faedah perlindungan maksimum bagi kecederaan atau kematian ketika golongan itu keluar menangkap ikan.(Bernama, 2014)

Skim insurans ini memberi kebaikan kepada nelayan yang sentiasa terdedah dengan risiko ketika keluar menangkap ikan.Selain kematian, mereka yang terbabat dalam kemalangan yang menyebabkan kecacatan anggota dan memerlukan rawatan di hospital juga akan menerima pampasan yang setimpal untuk meringankan beban perbelanjaan, terutama kepada ahli keluarga mereka.

- Perlindungan untuk petani miskin dalam sektor pertanian

Pada tahun 2007, Takaful Ikhlas telah melancarkan skim takaful sempena Persekutuan Peladang Kebajikan Masyarakat Malaysia, sebuah NGO menjaga keperluan petani yang memerlukan. Skim wajib, yang dibiayai oleh kerajaan, menyediakan perbelanjaan kematian serta-merta sebanyak RM500 untuk premium sebanyak RM1.80, yang meliputi 100,000 ahli. Kematian disebabkan kemalangan dan hilang upaya skim peribadi sukarela menyediakan perlindungan modal sebanyak RM 10,000. Etiqa menyediakan perlindungan takaful dan bantuan kewangan untuk para petani sekiranya berlaku kemusnahan tumbuh-tumbuhan disebabkan oleh bencana alam, serangan haiwan dan penyakit.(Etiqa,2014)

iii. Takaful myJalanan.

Syarikat Takaful Malaysia Berhad telah melancarkan penjenamaan baru Takaful myJalanan pada 17 Januari 2009,(Takaful Malaysia) untuk program kemasyarakatan sejajar dengan

tanggungjawab sosial korporatnya. Ini dapat memastikan Takaful Malaysia berdaya saing memandangkan bidang insurans bukan sahaja memerlukan strategi mantap tetapi merupakan satu bidang yang penuh persaingan. Menurut Tan Sri Dr. Hadenan 'my' membawa maksud Malaysia kerana ia merupakan sebahagian tanggungjawab negara kepada masyarakat.

Terdapat dua program di bawah penjenamaan ini iaitu myjalinan-KASIH menyediakan bantuan kewangan kepada mereka yang memerlukan termasuk anak-anak yatim, ibu tunggal dan golongan kurang bernasib baik yang lain, manakala Takaful myJalinan-ILMU melengkapkan kerja-kerja guru-guru sekolah dengan membantu pelajar cemerlang dalam pelajaran, terutamanya memberi penekanan kepada peningkatan penguasaan bahasa Inggeris.(Mingguan Malaysia,2013)

Pada bulan Jun 2011, sebanyak RM20,000 telah diberikan untuk membina semula rumah anak yatim Al-Taqwa yang telah dimusnahkan oleh tanah runtuh Hulu Langat. Mangsa-mangsa juga menerima bayaran tuntutan sehingga RM70,000 dalam menikmati faedah skim pelajar Takaful Malaysia, yang dipanggil Takaful Pelajar Sekolah Malaysia.(Takaful, 2014)

iv. Kebajikan bagi keluarga yang kehilangan pencari nafkah.

Dari segi pengurusan risiko, penghutang adalah digalakkan untuk menyertai Skim Kebangsaan Kebajikan Masyarakat oleh YaPEIM. Ini adalah Skim Khairat Nasional yang diperkenalkan pada tahun 2006, untuk membantu ahli keluarga para peserta dari segi kebajikan mereka dan pembangunan keusahawanan dalam meneruskan kehidupan mereka selepas kehilangan ketua keluarga atau pencari nafkah.(Skim Khairat Nasional ,2014)

Sekiranya berlaku kematian, keluarga si mati akan diberi wang sebanyak RM1,000 atau RM200 ia bergantung kepada keadaan keluarga tersebut, dan ditambah sebanyak RM1,000 untuk pesangannya yang mengganggung. Bagi pasangan yang berminat untuk memulakan perniagaan atau mengembangkan perniagaan yang telah diusahakan, bantuan RM5,000 akan diberikan.(SKN,2014)

v. Pelan Perlindungan Mikro 1Malaysia (1MMPP).

Inisiatif terbaru oleh kerajaan itu dilakukan pada bulan April 2011, dengan pelancaran Pelan Perlindungan Mikro 1Malaysia (1MMPP). Menurut Persatuan Insurans Am Malaysia (Giam), pelan itu yang dibangunkan oleh industri insurans dan takaful bersama-sama dengan sokongan bank pusat, Bank Negara dan dibuka kepada perniagaan kecil. Ia juga terbuka kepada perusahaan mikro dan individu yang ingin perlindungan kewangan boleh diakses dan mampu dalam menguruskan kejadian yang tidak diduga seperti kematian, penyakit, kemalangan, kebakaran dan kehilangan harta benda.(Ucapan Timbalan Gabenor)

Pelan ini menawarkan empat pilihan iaitu insurans hayat, takaful keluarga, insurans am dan takaful am. Produk-produk konvensional dan takaful berkongsi ciri-ciri biasa dalam liputan, terma dan syarat dan premium. Pelan ini akan disediakan melalui bank-bank terpilih dan institusi kewangan yang bekerjasama dengan syarikat insurans yang mengambil bahagian dan pengendali takaful bagi mengedarkan produk.(Laporan kewangan BNM, 2010)Penawaran skim 1MMPP adalah lebih rendah berbanding skim-skim insurans yang sedia ada, dengan bayaran serendah RM10 setiap bulan(Brosur 1MMPP)dan sehingga kini sebanyak sepuluh syarikat insurans telah menawarkannya.(Aman, 2013)

Namun menurut Junaida tidak semua cawangan bank ada menyediakan pelan ini kerana manfaat sumbangan yang diperolehi adalah sedikit, maka tidak semua individu berminat untuk menyertainya. Saiful menambah bahawa takaful mikro sama seperti kredit mikro kerana tidak semua pengendali takaful atau bank berminat untuk menawarkan kepada pelanggan mereka atas beberapa faktor. Penulis melihat antara faktornya adalah kos yang tinggi namun manfaat yang diperolehi adalah sedikit serta risiko yang ditanggung adalah besar.

3.3. Perbincangan

Berdasarkan kepada beberapa takrifan yang diberikan oleh beberapa sarjana yang berkaitan, jelas menunjukkan bahawa takaful mikro tidak merujuk kepada sesuatu produk, dan ianya tidak terbatas kepada sesebuah syarikat atau organisasi tertentu. Tetapi takaful mikro merujuk kepada pasaran tertentu yang mana ia dikhaskan kepada kumpulan masyarakat yang mempunyai pendapatan sedikit atau peruntukan perlindungan kepada segmen pasaran tertentu, iaitu orang-orang yang berpendapatan rendah atau golongan miskin.

Hasil kajian menunjukkan bahawa takaful mikro telah dilaksanakan di Malaysia dari tahun 2007 lagi atau mungkin lebih awal dari itu, walaupun pada ketika itu skim tersebut tidak dinamakan sebagai takaful mikro namun konsep yang digunakan adalah bertepatan dengan konsep takaful mikro iaitu menyediakan perlindungan dengan harga berpatutan yang mampu dibayar oleh golongan miskin. Sehingga kini sebanyak tiga buah syarikat takaful telah bekerjasama dengan institusi bukan kerajaan dalam menawarkan produk takaful mikro iaitu Etiqa Takaful, Takaful Ikhlas, dan Takaful Malaysia. Manakala sebanyak 10 buah syarikat takaful telah bekerjasama dengan kerajaan untuk menawarkan takaful i-Brim kepada penerima BRIM. Ini menunjukkan bahawa takaful mikro tidak akan berjaya tanpa kerjasama antara pengendali takaful, kerajaan dan badan bukan kerajaan.

Skim takaful mikro direka untuk mengurangkan kemiskinan, walaupun ianya masih baru dan kurang mendapat sambutan di Malaysia namun skim tersebut menunjukkan bagaimana iadapat menyumbang kepada matlamat dasar pembangunan sosial yang lebih luas. Bayaran premium yang rendah dengan faedah yang diperolehi dalam tempoh yang panjang akan menjadi mampu milik untuk penduduk luar bandar berbanding dengan produk-produk yang ditawarkan oleh syarikat takaful lain.

4. Kesimpulan, Batasan dan Cadangan.

Ketika Malaysia sedang mengorak langkah ke arah ekonomi berpendapatan tinggi, perbelanjaan kesihatan isi rumah dijangka akan meningkat terutamanya dengan pertambahan populasi kelas menengah. Tenaga kerja mahir juga akan menuntut manfaat penjagaan kesihatan yang lebih baik yang mendorong kepada perbelanjaan penjagaan kesihatan yang lebih tinggi. Penanggung insurans dan pengendali takaful perlu bertindak balas terhadap perkembangan tersebut dengan menyediakan pilihan produk yang lebih berkesan dari segi kos kepada pengguna. Oleh itu beberapa skim takaful sumbangan rendah untuk golongan miskin telah dikaji dan hasil kajian mendapati bahawa Malaysia telah menawarkan takaful mikro sejak awal lagi. Penawaran ini dikhaskan kepada kumpulan tertentu seperti nelayan, petani dan juga golongan miskin. Ia melibatkan kerjasama antara pengendali takaful, kerajaan dan badan bukan kerajaan. Skim takaful mikro banyak manfaat kepada masyarakat yang mempunyai pendapatan rendah oleh itu untuk memastikan skim takaful berjaya beberapa cadangan telah dikemukakan.

Skim takaful mikro harus melibatkan badan bukan kerajaan, dana zakat dan agensi penderma, serta mendapatkan sokongan daripada sektor takaful dalam bentuk kepakaran teknikal dan bantuan nyata. Takaful mikro boleh menerima pakai model rakan-ejen yang diamalkan pada insurans mikro, di mana insurans mikro (atau takaful mikro) pembekal boleh menjadi agen untuk sebuah syarikat insurans yang ditubuhkan untuk mendapat akses kepada kepakaran teknikal.

Untuk menjadikan takaful mikro berjaya satu kumpulan khas harus ditubuhkan. Kumpulan khas ini bertanggungjawab untuk memantau golongan miskin, menguruskan produk produk takaful mikro, serta memberi kesedaran dan pemahaman kepada golongan miskin tentang kepentingan takaful mikro dalam bentuk mengadakan taklimat, dan kempen. Kumpulan khas ini bertindak sebagai agen takaful yang dibayar gaji namun tidak mendapatkan keuntungan dari hasil jualan. Selain itu, keperluan takaful bagi golongan kelas bawahan harus dikaji dan diperincikan supaya setiap produk yang dikeluarkan benar-benar memenuhi keperluan mereka. Syarikat takaful juga harus memastikan individu yang benar-benar layak sahaja dapat menikmati skim tersebut.

Kerajaan akan terus merangka dasar serta strategi terbaik ke arah meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat. Statistik menunjukkan bahawa rakyat Malaysia hidup dalam keadaan yang berkualiti dan ianya meningkat saban tahun baik dari segi kesihatan, persekitaran, pendidikan, penyertaan sosial dan lain-lain. Industri kewangan Islam termasuk takaful juga, mesti memberi tumpuan dan tenaga pembangunan terhadap skim pembiayaan mikro dan produk takaful mikro. Ini adalah sangat-sangat diperlukan oleh berjuta-juta dan tidak perlu dihadkan kepada negara-negara Islam atau untuk orang Islam sahaja. Industri ini perlu bangkit untuk cabaran MDG Bangsa-Bangsa Bersatu dan haruslah terlibat secara aktif untuk menjadikan dasar 1 Takaful 1 Rakyat.

Rujukan

- Agus Haryadi (2006). *Developing Microtakaful in Indonesia. International Convention on Takaful and Retakaful ke-2*, Kuala Lumpur.
- Arena (2008). Does Insurance Market Activity Promote Economic Growth? A Cross-Country Study for Industrialized and Developing Countries. *Journal of Risk and Insurance*. 75 (4), 921-946.
- Craig Churchill (2007). Insuring the Low-Income Market: Challenges and Solutions for Commercial Insurers. *The International Association for the Study of Insurance Economics 1018-5895/07*. The Geneva Papers 32, 401–412
- Douglas W. Hubbard (2010). *How to Measure Anything: Finding the value of Intangibles in Business*. New Jersey: John Wiley & Sons, Inc.
- Hatim Abbas Mudawi, “Takaful Products For The Poor, Agricultural Takaful: The Sudanese Experience”, *International Cooperative and Mutual Insurance Federation (ICMIF)*, no.20.
- Ismail, Othman, Mat Din, Noh, Mohamed Yousop, Abu Bakar & Mohamad Shafi (2012). An Investigation of the Awareness Level of Takaful Products among the Micro

Enterprises in Malaysia. *Paper presented at International Conference on Excellence in Business*. United Arab Emirates.

- J.C Chicken & T. Posner (1998). *Philosophy of Risk. IMF Working Paper*. Thomas Telford, London
- Jimin, S.A. Solutions: Effectively Tapping Potential in Under Penetrated Markets, Reaching Out with Low Cost Takaful Solutions. (Kertas kerja dibentang di World Takaful Conference (WTC), Dubai, 2010).
- Kader, H.A., M. Adams & P. Hardwick (2010). The Cost Efficiency of Takaful Insurance Companies. *Geneva Papers on Risk and Insurance Issues and Practice*. 35 (1), 161-181.
- Kwon (2007). Islamic Principle and Takaful Insurance: Re-evaluation. *Journal of Insurance Regulation*. 26 (1), 53-81.
- M. Jamil Akhtar Khan (2011). MicroTakaful the way forward. *International Conference on Islamic Mikrofinance*. Islamabad: Pakistan.
- Mohd Bahroddin bin Badri (2008) Penerimaan Masyarakat Melayu terhadap takaful Keluarga: Kajian di Wilayah persekutuan Kuala Lumpur. Disertasi Master, Jabatan syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaysia, Kuala Lumpur.
- Muhammed Altuntas, Thomas R. Berry Stölzle & Anja Erlbeck (2011). Takaful Charity or Business. *Field Study Evidence from Microinsurance Providers*. 341-358.
- N.P. Swartz & P. Coetzer (2010). Takaful: An Islamic insurance instrument. *Journal of Development and Agricultural Economic*. 333-339.
- Noor Ashikin, Zuriah & Nurbani (2012). Financial Protection For Low Income And Poor, *3rd International Conference On Business And Economic Research (ICBER)*. Proceeding, Indonesia.
- Noor Hashim Taib (2010) Industri Insuran takaful di Malaysia: Kajian tentang kesedaran dan kefahaman masyarakat Lembah Kelang. Tesis Ph.D., Program Pengajian Islam, Akademi Pengajian Universiti Malaysia.
- Paul B. Siegel, Jeffrey Alwang & Sudharshan Canagarajah (2001). Viewing Microinsurance as a Social Risk Management Instrument. *Social Protection Discussion Paper Series*. No 0116.
- R. Mechler Reinhard, Linnerooth-Bayer, Joanne Peppiatt, & David (2006). Microinsurance for Natural Disaster Risks in Developing Countries. Benefits, Limitations and Viability. *Provention consortium / IIASA study*.
- Rom, Abdul Rahman & Md Hassan (2012). Financial protection for low income and poor. *International Conference on Business and Economic Research (ICBER)*. Proceeding, Bandung, Indonesia.

Sabbir Patel (2011). Insurance and poverty alleviation, *International Cooperative and Mutual Insurance Federation, (ICMIF)*.

T.A. Nagerebo dan Sunday C. Nwite (2012), "Adopting Micro Insurance Models in Providing Pension Benefits to Nigerian Rural Dwellers," *Business Management and Strategy* vol3, no 2.

Taqiyuddin An-Nabhani (1990). *Nidzamul Iqtishadi fil Islam*. cet. ke- 4, Beirut: Darul Ummah. 236.

Website

[1Malaysia Micro Protection Plan \(1MMPP\) Scheme Has Been Developed To Enhance Accessibility And Affordability Of Insurance And Takaful Protection For Malaysians \(China Press\)](http://www.hla.com.my/), dicapai 12 Februari 2013, <http://www.hla.com.my/>.

Ainul Asniera Ahsan, Kuasa Beli Kita Merosot, Pengurus Kanan Kumpulan TA Investment Bhd., Alsetdek Al Haj Ali. Utusan Melayu (M) Bhd Kuala Lumpur. 7 November 2010. Diperolehi pada 4 Jun 2013 daripada <http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=1108&pub=UtusanMalaysia&sec=Ekonomi&pg=ek 01.htm>

Bernamea. *Lebih 47,000 Nelayan Layak Sertai Skim Insurans*. Diperolehi pada 14 Mei 2014, http://www.bernama.com/bernama/state_news/bm/news.php?id=667906&cat=tn

Etiqua. *Pertanian*. Diperolehi pada 14 Mei 2014 daripada <http://www.etiqua.com.my/Malay/Takaful/Produk/Korporat/My%20Business/Pages/Pertanian.aspx>

Harian, <http://www.sinarharian.com.my/dua-nelayan-tuntut-insurans-1.255509>

Mohd Izzatul Izuan. *Dua nelayan menuntut insurans*. Diperolehi pada 28 Februari 2014 daripada Program Transformasi Kerajaan 2010, dicapai 18 April 2014, [antent&view=article&id=1933:apakah-sebenarnya-golongan-berpendapatan-rendah-sampai-tahap-80-isi-rumah-&catid=220:jayanath-appudurai&Itemid=193](http://www.sinarharian.com.my/antent&view=article&id=1933:apakah-sebenarnya-golongan-berpendapatan-rendah-sampai-tahap-80-isi-rumah-&catid=220:jayanath-appudurai&Itemid=193).

Skim Khairat Nasional, Diperolehi pada 14 Mei 2014 daripada <http://yapeim.net.my/skim-khairat-nasional/>.

Takaful Ikhlas. *I-BRIM*, diperolehi pada 18 April 2014 daripada <http://www.takaful-ikhlas.com.my/i-BRIM/about.html>

Takaful Malaysia. Diperolehi pada 3 Julai 2014, daripada <http://www.takaful-malaysia.com.my/corporate/csr/Pages/myjalinanilmu.aspx>

Takaful Pelajar Sekolah Malaysia, dicapai 14 Mei 2014, www.takaful.coop.

Ucapan Bajet. Diperolehi pada 8 Mei 2013 daripada <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/ekonomi/14142-teks-ucapan-bajet-2013.html>

Ucapan oleh Timbalan Gabenor pada Konvensyen Ejen Insurans Hayat Bumiputera, 'Profesionalisme Tunggak Kejayaan', Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, 22 September 2012. Diperolehi pada 14 April 2014 daripada http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=bm_speech&pg=bm_speech_all&ac=438&lang=bm.

Temubual

Malaysia. Temubual pada 2 Ogos Julai 2014

Junaidah Md Ishak, Maybank TTDI Jaya, Shah Alam. Temubual pada 30 Ogos 2013.

Saiful Yazan Ahmad, President Director of P. T. Syarikat Takaful Indonesia, Syarikat Takaful Malaysia Bhd. Temubual pada 20 Februari 2013.

Temubual pada 3 Julai 2013.

Noor Irzamwati Binti Zainal Abidin, Corporate Communications Division Takaful

Lain-lain

Aman Ali, Ketua Korporat dan Komunikasi, Life Insurance Association of Malaysia (LIAM).

Brosur 1MMPP.

Laporan Kewangan Bank Negara Malaysia 2010.

Mingguan Malaysia, Dalam Negeri, (2009).

New Economic Model (NEM)

Pendapatan kasar bulanan isi rumah 40% terendah, Unit Perancang Ekonomi dan Jabatan. Perangkaan Malaysia, 11 Disember 2012

Ucapan Bajet 2010, Kementerian kewangan Malaysia